

AKHBAR	UM	MUKA SURAT	5
HARI & TARIKH	28/10/16 (Isnin) (Seleasa)	RUANGAN	Delom Negeri
DISEMAK OLEH			

UM, 26/1/16 M/S 5 DLM NEGERI

PDRM gagalkan 6 plot serangan pengganas

Oleh **TERMIZI CHE ANUAR**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 25 JAN.**

POLIS Diraja Malaysia (PDRM) berjaya menggagalkan enam plot rancangan serangan pengganas di negara ini dengan dua daripadanya dalam peringkat pelaksanaan.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Counter Terrorism, Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Ayub Khan Mydin Pitchay berkata, pihaknya berjaya membongkar rancangan tersebut ekoran beberapa siri operasi yang dijalankan bagi memburu pengikut kumpulan berkenaan.

"Kita telah menahan 157 individu, 72 orang telah ke Syria, lapan telah pulang manakala 17 meninggal dan 47 masih di negara terbabit.

"Kita percaya pengikut kumpulan itu masih dalam peringkat perbincangan untuk melakukan serangan di dalam negara namun tiada arahan spesifik," katanya dalam sidang akhbar sempena Persidangan Antarabangsa Mengenai Pemulihan dan Memerangi Ancaman Keganasan Ekstremisme, di sini hari ini.

Semalam, dilaporkan sebanyak tujuh suspek pengikut kumpulan militan Negara Islam (IS) ditahan di beberapa buah negeri sejak 22 Januari lalu.

Mereka yang ditahan berumur



Kita percaya pengikut kumpulan itu masih dalam peringkat perbincangan untuk melakukan serangan di dalam negara namun tiada arahan spesifik."

AYUB KHAN MYDIN PITCHAY
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Counter Terrorism, Cawangan Khas Bukit Aman

antara 26 dan 50 tahun termasuklah seorang ketua sel.

Mengulas lanjut, Ayub Khan memberitahu, hasil penahanan beberapa suspek sejak Disember lalu, kumpulan itu telah mula mengumpul bahan kimia yang boleh digunakan untuk membuat bahan letupan.

"Mereka telah mendapatkan dua bahan penting untuk membuat bom iaitu ammonium nitrat dan potassium klorida," ujarnya.

Sementara itu, mengenai video ugutan membalas dendam oleh kumpulan IS bertajuk *Mesej Awam Kepada Malaysia*, Ayub Khan berkata, lelaki di dalam video berkenaan telah dikenal pasti rakyat Malaysia yang kini berada di Syria dan siasatan lanjut sedang dijalankan.

"Video tersebut bagaimanapun tidak dihantar terus kepada pihak

polis tetapi disebar dalam media sosial.

"Dua lelaki di dalam video berkenaan merupakan rakyat Malaysia iaitu Abdul Halid Dari, 52, yang berasal dari Kedah dan Mohd. Nizam Ariffin, 37, dari Perak," ujarnya.

Sebuah akhbar berbahasa Inggeris hari ini menyiarkan mengenai rakaman video bertajuk *Mesej Awam Kepada Malaysia* yang dihantar oleh wakil IS sebagai amaran kepada kerajaan agar menghentikan usaha menahan anggota kumpulan itu di negara ini.

Menerusi rakaman video berdurasi satu minit 32 saat yang disiarkan dalam bahasa Melayu itu, IS Malaysia-Indonesia yang dipanggil Katibah Nusantara mengancam untuk membalas dendam berikutan penangkapan ahli-ahlinya.